

KULIAH ZOHOR

“Keterbukaan Pemimpin Dan Disiplin Pengikut”

Masjid Maarof | 21 Mac 2018

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

عَنْ أَبِي وَائِلٍ، "...لَقَدْ كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْحُدَيْبِيَّةِ وَلَوْ
نَرَى قِتالًا لَقَاتَلْنَا وَذَلِكَ فِي الصَّلْحِ الَّذِي كَانَ بَيْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَبَيْنَ الْمُشْرِكِينَ فَجَاءَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فَأَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا
رَسُولَ اللَّهِ أَلَسْنَا عَلَى حَقٍّ وَهُمْ عَلَى باطِلٍ قَالَ "بَلَى". قَالَ أَلَيْسَ قُتِلَانَا فِي الْجَنَّةِ
وَقُتُلَاهُمْ فِي النَّارِ قَالَ "بَلَى". قَالَ فَفِيمَ نُعْطِي الدَّيْنَةَ فِي دِينِنَا وَتَرْجِعُ وَلَمَّا يَحْكُمُ اللَّهُ
بِيَنِنَا وَبِيَنْهُمْ فَقَالَ "يَا ابْنَ الْخَطَّابِ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ وَلَنْ يُضَيِّعَنِي اللَّهُ أَبَدًا"

..... قالَ فَانْطَلَقَ عُمَرُ فَلَمْ يَصِرْ مُتَغَيِّظًا فَأَتَى أَبَا بَكْرٍ فَقَالَ يَا أَبَا بَكْرٍ أَلَسْنَا عَلَى حَقٍّ وَهُمْ عَلَى بَاطِلٍ قَالَ بَلَى . قَالَ أَلَيْسَ قُتْلَانَا فِي الْجَنَّةِ وَقُتْلَاهُمْ فِي النَّارِ قَالَ بَلَى .
قَالَ فَعَلَامَ نُعْطِي الدِّينَةَ فِي دِينِنَا وَنَرْجِعُ وَلَمَّا يَحْكُمُ اللَّهُ بِيَنَّنَا وَبِيَنْهُمْ فَقَالَ يَا ابْنَ الْخَطَابِ إِنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ وَلَنْ يُضَيِّعَهُ اللَّهُ أَبَدًا . قَالَ فَنَزَّلَ الْقُرْآنَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْفَتْحِ فَأَرْسَلَ إِلَى عُمَرَ فَأَقْرَأَهُ إِيَّاهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْفَتْهُ هُوَ قَالَ " نَعَمْ " .
فَطَابَتْ نَفْسُهُ وَرَجَعَ .

Terjemahan Hadith

- Dari Abi Wail, beliau berkata. “..... Kami bersama Rasulullah s.a.w di hari Perjanjian Hudaibiyah. Jika pada hari itu ada kesempatan perang, nescaya kami akan berperang.” Umar b. Al-Khattab lalu datang kepada Rasulullah dan berkata, “Wahai Rasulullah! Tidakkah kita berada di atas kebenaran dan mereka berada di atas kebatilan?” Rasulullah s.a.w berkata, “Benar.” Umar r.a berkata, “Tidakkah yang terbunuh di kalangan kita berada di syurga dan yang terbunuh di kalangan mereka berada di neraka?” Rasulullah s.a.w berkata, “Benar.”.....

- Umar r.a berkata, “Maka kenapakah kita menerima penghinaan yang sedemikian dalam agama kita (menerima Perjanjian Hudaibiyah). Adakah patut kita kembali (ke Madinah), sebelum Allah memutuskan perkara ini antara kita dan mereka?” Rasulullah s.a.w berkata, “Wahai Umar! Aku hanyalah seorang Rasul dan Allah pasti tidak akan menyia-nyikan aku.” Umar lalu berangkat berjumpa Abu Bakar. Dia berkata kepadanya, sebagaimana dia berkata kepada Rasulullah s.a.w. Abu Bakar berkata, “Dia hanyalah seorang Rasul. Allah pasti tidak akan menyia-nyikan dia.” Lalu turun surah Al-Fath. Rasulullah s.a.w membacakannya kepada Umar r.a sehingga akhirnya. Lalu Umar r.a berkata, “Wahai Rasulullah! Adakah ia satu kemenangan.” Rasulullah s.a.w berkata, “Ya.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadith

- Pelajaran mengenai hubungan antara pemimpin dan pengikut serta tingkah laku dalam organisasi.
- Umar bersikap kritikal terhadap keputusan Rasulullah s.a.w untuk menerima tawaran bagi mengikat Perjanjian Hudaibiyah, walau dia amat hormat dan taat padanya.
- Nabi s.a.w tidak memarahi Umar r.a kerana sikapnya
 - bersikap terbuka dan berlapang dada
 - tidak pula buat-buat alasan untuk membenarkan keputusan
 - beri penjelasan yang jujur, keputusan itu adalah ketentuan Allah taala, bukan ijtihadnya

- Tidak salah bagi pengikut bertanya dan mempersoalkan sesuatu keputusan yang tidak yakini.
- Lebih baik mempersoalkan sesuatu melalui saluran dan cara yang betul sehingga yakin
 - dari menyimpannya dalam hati kemudian tidak mentaatinya
 - mempersoalkan pula di luar saluran yang betul.
- Hanya boleh wujud jika ada keterbukaan antara pemimpin dan pengikut.
- Contohi kepengikutan Umar r.a dan kepimpinan Rasulullah s.a.w.

- Utamakan maslahat yang lebih besar di masa akan datang dari maslahat kecil yang dekat.
- Kepentingan keupayaan untuk melihat jauh.
- Berbaik sangka terhadap janji Allah taala
 - Allah taala tidak sekali-kali mengkhianati janjiNya.

KULIAH ZOHOR

“Mengutamakan Prinsip Dari Cabang”

Masjid Maarof | 21 Mac 2018

Muhammad Haniff Hassan
ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadith

الْبَرَاءَ بْنَ عَازِبٍ - رضي الله عنهم - قَالَ لَمَّا صَالَحَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَهْلَ الْمُدَنِيَّةِ كَتَبَ عَلَيْهِ بَيْنَهُمْ كِتَابًا فَكَتَبَ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . فَقَالَ الْمُشْرِكُونَ لَا تَكْتُبْ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ، لَوْ كُنْتَ رَسُولًا لَمْ يَقْاتِلُكَ . فَقَالَ لِعَلِيٍّ " امْحُهُ " . فَقَالَ عَلِيٌّ مَا أَنَا بِالَّذِي أَمْحَاهُ . فَمَحَاهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ، وَصَالَحَهُمْ عَلَى أَنْ يَدْخُلَهُ وَأَصْحَابَهُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ، وَلَا يَدْخُلُوهَا إِلَّا بِجُلْبَانٍ السِّلَاحِ، فَسَأَلُوهُ مَا جُلْبَانُ السِّلَاحِ فَقَالَ الْقِرَابُ بِمَا فِيهِ .

Terjemahan Hadith

- Al-Barra' b. `Azib berkata, "Ketika Rasulullah s.a.w telah sepakat membuat surat perjanjian Hudaibiyyah, Ali berperanan sebagai penulis surat perjanjian itu. Beliau menulis 'Muhammad Rasulullah'. Orang-orang musyrik berkata "Jangan tulis Muhammad Rasulullah. Jika kau benar seorang Rasul, kami tidak akan memerangi kamu. Rasulullah s.a.w lalu berkata "Padamlah ia." Ali berkata "Aku tidak akan memadamnya." Rasulullah s.a.w lalu memadamnya dengan tanggannya sendiri. Rasulullah s.a.w mengikat perjanjian dengan orang-orang musyrik akan hanya masuk ke Mekah untuk berumrah pada tahun hadapan bersama sahabat-sahabatnya selama tiga hari sahaja. Mereka tidak boleh masuk kecuali dengan senjata yang tetap dalam sarungnya." (Al-Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadith

- Tiga pengajaran penting dalam kerja dakwah;
 - a. Kaedah mengutamakan *Usul* (Prinsip / Dasar) Sebelum *Furu'* (Cabang).
 - b. Kaedah mengutamakan maslahat jangka panjang dan besar dari maslahat jangka pendek dan kecil.
 - c. Bertoleransi dan bertolak ansur.

- Memahami hadits ini dapat membantu para pendakwah untuk membuat keputusan dan pilihan
 - menamakan sesuatu program dengan nama Islam atau tidak?
 - menonjolkan imej Islam dengan jelas atau hanya fokus kepada ajarannya sahaja?
- Salah satu prinsip buat pilihan
 - membezakan antara prinsip dan *furu'* dalam sesuatu perkara
 - mengenal pasti maslahat jangka panjang dan besar dan maslahat jangka pendek dan kecil.

- Buat keputusan hendaklah
 - objektif
 - rasional
 - jelas akan maslahat dan mudarat
 - bukan berdasarkan emosi atau faktor-faktor sentimental.
- Tidak salah mengalah dalam perkara yang bukan prinsip dan dasar, terutama jika mendatangkan maslahat yang besar di masa akan datang.
- Pemimpin mesti ada prinsip yang dipegang
 - tapi jangan halang membenarkan pengikut bersuara dan luah perasaannya.

- Nabi s.a.w tidak marah Ali r.a kerana tidak ikut arahannya.
- Penting ada keupayaan melihat jauh ke hadapan untuk dapat menentukan maslahat masa hadapan dan masa terdekat, maslahat kecil dan besar.
- Perjanjian Hudaibiyah panduan baik dalam melakukan negosiasi atau perundingan dalam kerja dakwah.
- Bagi mengimbangi, perlu mengkaji surah Al-Kafirun dan sebab turunnya surah berkenaan yang mengandungi ayat yang bermaksud “Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku”.